

30th SEPTEMBER 2025

Salam Sejahtera Ahli-Ahli Yang Dihormati,



KEPUTUSAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN COGANKATA MAYNEU

Ahli-Ahli yang dihormati,

MAYNEU telah menerima penyertaan sebanyak 17 logo berserta cogankata pencalonan daripada ahli-ahli yang berhak menyertai **PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN COGANKATA MAYNEU**.

Setelah diteliti dan diperhalusi AHLI MAJLIS JAWATANKUASA EXCO telah membuat undian didalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Presiden Wan Ahmad Nazrul. Secara majoriti Majlis telah memilih logo yang diilhamkan oleh ahli **MAYNEU** dari Pantai Timur. Walau bagaimanapun, bagi pertandingan cogankata, tiada pemenang yang dipilih kerana tiada cadangan yang benar-benar bersesuaian pada masa ini.

Pemenang tersebut adalah **Puan Roaiza Binti Zakaria** daripada Cawangan Maybank Kuala Terengganu.

Asas Pemilihan logo dibuat berdasarkan prinsip-prinsip berikut yang menepati memoir perjalanan Kesatuan **MAYNEU** dan ketegasan didalam memperjuangkan hak pekerja iaitu:-

1. Imej Lebah

Menterjemahkan sikap agresif dalam membina strategi, kebijaksanaan, keyakinan, kerjasama dalam membina sarang, dan seterusnya mengumpulkan madu yang akhirnya dinikmati oleh semua pekerja-pekerja bukan eksekutif Maybank.

2. Warna Honey Comb, Emerald Green dan Gold Brick Orange

Melambangkan teras utama kemewahan berilmu, keberkatan usaha tanpa mengenal erti lelah dalam mereliasasikan kenaikan taraf hidup, gaji dan perjanjian kolektif yang setaraf dengan laba yang seringkali di laung-laungkan oleh majikan.

3. Perisai Berlekuk Mahkota

Diletakkan pada aras tertinggi sebagai simbol kemuliaan, kehormatan dan maruah yang senantiasa dipelihara serta dijunjung.

4. Imej Padi Seimbang Kanan dan Kiri

Mengapit imej lebah sebagai lambang khidmat bakti pemimpin MAYNEU terhadap ahli-ahlinya yang tidak berbelah bagi lagi adil dan profesional.

5. Imej Harimau Kumbang

Melambangkan misteri wira darat yang tidak dapat diduga dari segi kepantasan, kekuatan, serta keupayaan menyerang secara senyap. Ia merungkai aksi sebenar pahlawan-pahlawan MAYNEU ketika memperjuangkan hak batil pekerja, di samping mempunyai elemen-elemen kejutan yang tidak disangka oleh musuh-musuh kesatuan.

Tahniah kami ucapkan kepada pemenang.

**PENOLONG SETIAUSAHA
SHAIK ABDUL MALIK**

s.k. Presiden, MAYNEU